

18 JUN 1999

Mahathir - Umno (Anwar)

TIADA KONSPIRASI JATUHKAN ANWAR, TAPI DIA CUBA JATUHKAN MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak pernah berkonspirasi untuk menyingkirkan Datuk Seri Anwar Ibrahim melalui tuduhan bekas timbalannya itu melakukan seks di luar tabii.

Perdana Menteri berkata sebaliknya bekas menteri kewangan itulah mengambil kesempatan daripada kegawatan ekonomi untuk berusaha menjatuhkan beliau dengan cara merumitkan lagi kegawatan ekonomi negara dengan melaksanakan apa yang dipanggil media asing "virtual IMF".

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata demikian di hadapan 2,034 anggota perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno ke-53 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, dalam ucapannya yang paling berterus terang tentang pemecatan Anwar dari kabinet dan parti itu pada September lepas.

"Tuduhan bahawa saya mengadakan konspirasi untuk menjatuhkan Datuk Seri Anwar adalah tidak menusabah. Saya tidak pernah berkonspirasi terhadap sesiapa termasuk bekas Timbalan Perdana Menteri yang lain, Tengku Razaleigh Hamzah dan pemimpin-pemimpin Umno lain yang tersingkir atau digugur dahulu. Sebaliknya saya yang menjadi mangsa pakatan untuk menjatuhkan saya," kata Dr Mahathir.

Berkonspirasi seperti dituduh itu tidak mungkin dapat dilakukan kerana ia terpaksa melibatkan banyak orang dan pihak, kata Dr Mahathir merujuk kepada dakwaan Anwar kononnya 10 tuduhan rasuah dan melakukan seks di luar tabii terhadapnya diada-adakan dalam satu konspirasi peringkat tertinggi untuk menamatkan kerjaya politiknya.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun setelah disabitkan kesalahan April lepas menyalahgunakan kuasa untuk menghalang siasatan polis terhadap aduan salah laku seks terhadapnya.

"Berkonspirasi seperti yang dituduh saya telah lakukan bukanlah sesuatu yang mudah dibuat dan dirahsiakan. Ini adalah kerana, kalau begitu, ramai yang perlu terlibat.

"Saya perlu mendapat kerjasama daripada ramai pegawai polis, pegawai pendakwa raya termasuk pendakwa raya sendiri, ramai hakim, ramai lelaki dan perempuan yang menjadi mangsa Datuk Seri Anwar, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri, semua ahli Majlis Tertinggi dan ramai orang lain yang perlu tahu jika konspirasi yang saya dituduhkan hendak dijayakan," katanya.

Dr Mahathir, yang sudah dua kali termasuk kali ini, menjelaskan pemecatan Anwar pada perhimpunan agung parti itu, berkata mustahil konspirasi yang didakwa itu tidak sampai ke pengetahuan umum berbulan-bulan sebelum Anwar disingkir.

Di Malaysia, satu negara yang rahsia sukar disimpan, surat layang dan Internet bermaharajalela, menyembunyikan komplot melibatkan berpuluh orang terdiri daripada pemandu kereta, perempuan-perempuan tertentu sehingga kepada pegawai-pegawai tinggi dalam polis, jabatan pendakwa raya dan kehakiman, adalah mustahil, katanya.

Katanya konspirasi tidak boleh diadakan dengan serta merta, dan jika ada konspirasi sebesar ini, sudah tentu akan terbongkar dan tersebar luas berbulan-bulan sebelum apa-apa berlaku, kerana konspirasi mengambil masa panjang untuk dirancang, diatur dan untuk mendapat kerjasama ramai yang perlu terlibat.

"Tetapi sehingga Anwar disingkir, tidak ada apa-apa berita tentang Perdana Menteri dan Presiden Umno sedang berusaha untuk menghalang beliau (Anwar) daripada menjadi Perdana Menteri," kata Dr Mahathir.

Sebaliknya, umum mengetahui bahawa beliau telah menamakan Anwar sebagai penggantinya hampir ke saat terakhir timbalannya itu disingkirkan.

Katanya kerana begitu kuat kepercayaan bahawa Anwar akan menggantikan beliau ramai daripada pegawai, Menteri Besar dan pemimpin parti lain di pelbagai peringkat tidak berani menyoal apa-apa perbuatan atau arahan yang dibuat oleh Anwar.

"Mereka semuanya takut akan menjadi mangsa apabila Datuk Seri Anwar menjadi Perdana Menteri," kata beliau.

Penjelasan Dr Mahathir ini mendapat tepukan dan sorakan anggota perwakilan dan pemerhati yang memenuhi dewan persidangan serta mendengar dengan teliti ucapannya.

Dr Mahathir berkata kekeliruan dan kurang kepercayaan sesetengah orang kepada dakwaan terhadap bekas timbalan perdana menteri mudah difaham.

Katanya beliau sendiri juga tidak percaya apabila laporan (dari pihak polis) berkenaan tingkah-laku bekas timbalan perdana menteri dibuat kepadanya pada tahun 1993.

Perdana Menteri berkata beliau juga tidak percaya apabila Ummy Hafilda dan Azizan Abu Bakar menulis kepadanya mengenai salah laku seks Anwar.

(Ummy adalah adik kepada bekas setiausaha sulit Anwar, Mohamed Azmin Ali yang mendakwa kononnya isteri Azmin, Shamsidar Taharin, mempunyai hubungan sulit dengan Anwar. Azizan ialah bekas pemandu isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, yang mendakwa dia menjadi mangsa salah laku seks Anwar).

Malahan, Dr Mahathir berkata beliau berasa lega apabila polis memberitahunya yang Ummy dan Azizan sudah menarik balik tuduhan mereka terhadap timbalannya dan beliau pernah memberitahu pemberita apabila ditanya bahawa tuduhan terhadap Anwar itu berniat jahat dan menyekatnya daripada menjadi penggantinya.

"Ahli-ahli Majlis Tertinggi boleh mengesahkan yang saya terus menyokong Timbalan Presiden sebagai pengganti saya. Saya dapati amat sukar untuk mempercayai yang timbalan saya, rakan dan kawan saya boleh terlibat dengan apa yang dituduh ia melakukannya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau sendiri cuma mempercayai kebenaran tuduhan terhadap Anwar apabila polis, selepas siasatan awal terhadap buku 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Menjadi PM, susulan kepada laporan yang dibuat oleh Anwar sendiri, melaporkan kepadanya bahawa ada kebenaran dalam tuduhan buku itu.

"Polis memberi keterangan yang jelas. Saya tidak boleh menolak lagi tuduhan terhadap Datuk Seri Anwar," katanya.

Bagaimanapun untuk lebih meyakinkan dirinya bahawa tidak ada niat tidak baik oleh sesiapa terhadap Anwar, beliau sendiri telah memanggil beberapa orang yang disebut dalam laporan polis untuk menyoal sendiri mereka itu.

Dr Mahathir berkata jika beliau sendiri yang mendapat bukti dan penjelasan dari polis dahulu berasa ragu akan kebenaran tuduhan itu, apatah lagi orang lain yang hanya mendengar berita daripada ahkbar atau penjelasan daripada orang lain.

"Apatah lagi apabila Datuk Seri Anwar membalas tuduhan dengan mendakwa semuanya adalah konspirasi politik untuk menghalang pelantikannya sebagai Perdana Menteri," katanya.

Menyentuh usaha Anwar untuk menjatuhkan pucuk pimpinan parti, Dr Mahathir menerangkan bahawa bekas timbalannya itu menggunakan jawatannya sebagai menteri kewangan untuk melaksanakan "virtual IMF" (Tabung Kewangan Antarabangsa) ketika negara dilanda kegawatan ekonomi tetapi kerana tidak disedari kabinet "kita tidak menyoal atau menghalang pendekatannya."

Bekas menteri kewangan itu menaikkan faedah pinjaman, mengurangkan kredit, memendekkan tempoh dari enam bulan kepada tiga untuk mengisytiharkan hutang menjadi lapuk dan menarik balik wang yang

dipinjamkan kepada bank apabila kabinet mengarah supaya rizab berkanun bank dikurangkan sebagai cara menambah wang dalam bank.

Belanjawan kerajaan pula dikurangkan sebanyak 21 peratus, dan dengan ini rancangan pembangunan kerajaan terpaksa dihentikan. Kontraktor Bumiputera terutamanya, dan kontraktor lain tidak lagi mendapat kontrak, bahkan kontrak yang telah diberi ditamatkan. Mereka dan pembekal mereka tidak lagi ada perniagaan dan pendapatan, katanya.

Dr Mahathir berkata dengan tindakan-tindakan ini, kegawatan yang sudah teruk menjadi lebih teruk dan pemerhati asing meramalkan Malaysia tetap akan meminta pertolongan IMF dan menerima syarat-syarat serta pendekatannya untuk menangani kegawatan, pendekatan yang kini diakui oleh IMF sendiri memburukkan lagi ekonomi negara yang diserang oleh penyangak matawang.

"Tetapi masih juga kita tidak menaruh syak wasangka terhadap bekas timbalan perdana menteri," kata beliau.

Dr Mahathir berkata harapan bekas timbalan perdana menteri itu ialah dengan ekonomi menjadi lebih teruk dan kerajaan disalahkan oleh rakyat, terutama perhimpunan agung Umno pada tahun 1998, maka Presiden parti akan undur.

"Bukankah Presiden telah memberi pengakuan bahawa dia akan undur jika dia tidak mendapat sokongan lagi, khususnya sokongan Umno dalam perhimpunan agungnya," kata beliau.

Malangnya bagi perancangan strategi itu, perhimpunan agung berkenaan tidak menunjukkan tentangan mereka kepada Presiden walaupun pada persidangan itu Ketua Pemuda Umno ketika itu Datuk Ahmad Zahid Hamidi dengan lantang menuduh kerajaan mengamalkan nepotisme, kronisme dan lain-lain.

"Perwakilan jelas memberi kepercayaan kepada Presiden. Kepercayaan ini menyebabkan Presiden tidak undur. Dengan ini percubaan untuk menjatuhkan pucuk kepimpinan, supaya orang nombor dua dapat mengambilalih tempatnya, gagal," kata beliau.

Dalam pada itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan menumpukan segala usaha untuk menyelamatkan ekonomi tetapi Anwar tidak dapat menumpukan kepada usaha ini kerana buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM" disebar.

Katanya apabila polis menyiasat buku itu, Anwar yang menjadi gelisah telah meminta supaya Menteri Dalam Negeri menyuruh polis menghentikan siasatan, tetapi Menteri Dalam Negeri walaupun mempunyai kuasa tertentu, ia tidak termasuk memberhentikan siasatan terhadap sesiapa.

Dr Mahathir juga menegaskan bahawa bukan beliau yang menghadapkan Anwar ke mahkamah tetapi bekas timbalannya itu didakwa hasil siasatan polis dan beliau tidak mempunyai kuasa menghentikan siasatan polis terhadap sesiapa.

Katanya Anwar cuba mengenakan injunksi terhadap penyebaran buku itu walaupun dinasihatkan supaya tidak berbuat demikian dan membuat aduan polis serta meminta polis mengharamkan penyebaran buku itu.

Polis tidak dapat mengharamkan penyebaran buku itu sebelum kesahihan tuduhan di dalamnya ditentukan dahulu dan apabila beberapa orang yang dinamakan dalam buku itu disoal siasat, Anwar meminta Menteri Dalam Negeri menyuruh polis menghentikan siasatan, jelas beliau.

"Jika menteri atau perdana menteri mempunyai kuasa untuk menghentikan siasatan, sudah tentu ramai penyokong dan keluarga pemimpin Umno akan meminta supaya siasatan terhadap orang tertentu dihentikan," katanya sambil menegaskan bahawa ramai pemimpin Umno termasuk Menteri dan Ketua Menteri/ Menteri Besar pernah disiasat, bahkan didakwa di mahkamah dan dihukum termasuk hukuman mati.

"...di negara ini seperti yang selalu didesak oleh bekas timbalan perdana menteri, kita mempunyai pentadbiran berundang atau "Rule of Law", " katanya.

Dr Mahathir yang kali ini menggunakan perkataan "saya" berbanding "kita" dalam ucapan-ucapan perasmian yang lepas, menghabiskan sebahagian besar daripada masa kira-kira dua jam 15 minit ucapannya yang bersifat peribadi untuk menjelaskan tentang Anwar.

Perdana Menteri juga menyingkap kembali tindakan Anwar setelah disingkir, cuba menggugat kestabilan negara, menghasut rakyat mengadakan demonstrasi dan rusuhan di jalan-jalan raya dengan harapan kerajaan dijatuhkan seperti di negara lain hasil bantuan media asing dan pemimpin negara tertentu.

"Bakal penjajah dan boneka mereka di Malaysia masih berusaha untuk melemahkan negara ini. Benteng mempertahankan kedaulatan negara ialah Umno. Jika Malaysia hendak dijajah semula, penjajah mesti langkah mayat Umno dahulu," katanya.

Beliau berkata malangnya tuduhan terhadap Anwar masih sukar dipercayai kerana orang tentu tertanya-tanya bolehkah seorang yang nampak begitu warak, boleh menjadi imam dan pandai berkhotbah, bolehkah ia melakukan perbuatan yang begitu buruk seperti didakwa di mahkamah.

Dr Mahathir juga menegaskan Anwar disingkirkan atas alasan moral walaupun adalah lebih mudah baginya untuk menuduh Anwar cuba menggulingkan beliau.

"Anggota Umno, bahkan orang Melayu lebih mudah menerima alasan yang beliau tidak berterima kasih dan tidak berasa terhutang budi kepada orang yang berbakti kepadanya sebagai sebab beliau disingkir. Tetapi saya tidak dapat menggunakan alasan lain kerana saya tidak berniat menyingkirnya. Penyingkirannya disebabkan oleh perbuatannya yang sebenar," katanya.

"Saya tidak menganiaya, saya tidak berkonspirasi untuk menyekatnya daripada menjadi presiden Umno dan perdana menteri Malaysia. Moral dan kelakuannya, yang menyekatnya daripada menjadi presiden Umno, bahkan daripada menjadi ahli Umno," katanya.

Dalam nada bersungguh-sungguh Dr Mahathir berkata: "Walaupun pada ketika itu beliau rakan dan kawan saya, tetapi kepentingan bangsa dan negara tidak mengizinkan saya menutup mata dan membiarkan sesuatu yang begitu buruk menimpa bangsa dan negara. Jika saya membiarkannya berlaku maka saya mengkhianati bangsa, agama dan negara saya."

Katanya beliau sanggup dikutuk, dimaki-hamun, diselar dan dicerca asalkan dalam hatinya dan tuhan mengetahui beliau tidak mengkhianati agama, bangsa dan negara yang beliau telah bersumpah untuk mempertahankan dan melindunginya.

Dr Mahathir berkata nasib yang menimpa Anwar memang malang seperti yang menimpa beberapa pemimpin tinggi Umno tetapi mereka, tidak seperti Anwar, menerima nasib mereka dan tidak mengambil tindakan yang boleh menghancurkan parti dan memburukkan negara.

Katanya pada mulanya beliau sendiri merasa tindakan terhadap Anwar agak keras tetapi apabila melihat tindakan dan perbuatan Anwar selepas disingkirkan, tindakan menyingkirnya menjadi tepat.

-- BERNAMA

ZKS RON